

101

SOALAN NO: 44

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Hajah Normala binti Abdul  
Samad [Pasir Gudang]

**TARIKH** : 30 Oktober 2017

**SOALAN** : Dato' Hajah Normala binti Abdul  
Samad minta **MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan: -

adakah pihak Kementerian bercadang  
untuk membuka semula permohonan  
pinjaman tanpa faedah **Dana Nelayan**  
agar dapat membantu nelayan yang  
kurang kemampuan.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui LKIM masih meneruskan pelaksanaan program Dana Nelayan yang telah diperkenalkan sejak tahun 2001. Sehingga tahun 2017, sebanyak RM76.8 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut dengan seramai 4,271 orang nelayan dan 82 buah persatuan nelayan kawasan telah menerima manfaat daripada kemudahan yang disediakan.

Skim-skim yang telah dibangunkan di bawah program Dana Nelayan adalah Skim Pinjaman Nelayan Pantai, Skim Pinjaman Pembangunan Institusi Nelayan, Skim Pinjaman Nelayan Komersial, dan Skim Pinjaman Nelayan Enjin Dalam.